BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 10/06/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum jam 1800 pada hari Isnin, 30 Oktober 2006

Perkembangan Monetari dan Kewangan September 2006
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Pembiayaan kasar sektor swasta berterusan

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berterusan pada bulan September, iaitu berjumlah RM44 bilion (Ogos: RM44.4 bilion). Pada asas bersih pula, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 7.9% (Ogos: 9.2%). Jumlah pinjaman terkumpul meningkat 7.5%, dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing meningkat 3.3% dan 11.4%.

Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh, selaras dengan kualiti aset yang terus bertambah baik. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) kekal pada 13.2%. Nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan juga terus menurun kepada 5.1% (Ogos: 5.3%) disebabkan oleh kutipan balik pinjaman dan hapus kira.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 10/06/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum jam 1800 pada hari Isnin, 30 Oktober 2006

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN SEPTEMBER 2006

Pembiayaan kasar sektor swasta berterusan

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berterusan pada bulan September, iaitu berjumlah RM44 bilion (Ogos: RM44.4 bilion). Pada asas bersih pula, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 7.9% (Ogos: 9.2%). Jumlah pinjaman terkumpul meningkat 7.5%, dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing meningkat 3.3% dan 11.4%.

Pada bulan September, sektor swasta memperoleh dana kasar sebanyak RM3.1 bilion daripada pasaran modal, terutamanya melalui terbitan sekuriti hutang swasta (PDS). Sebahagian besar dana itu diperoleh syarikat dalam sektor perhotelan, pembinaan, perkilangan dan kewangan.

Kadar pinjaman dan deposit bank secara relatif terus stabil pada bulan September dan awal bulan Oktober. Pada 15 Oktober, kadar disebut purata deposit tetap (FD) bank perdagangan bagi tempoh pemegangan 1 dan 12 bulan masing-masing stabil pada 3.13% dan 3.76%. Sementara itu, kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan secara relatif terus tidak berubah pada 6.63% pada akhir bulan September.

Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman meningkat sedikit pada awal bulan September kerana beberapa peserta pasaran wang memperoleh dana sebagai persediaan untuk melanggan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) apabila diterbitkan. Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang lebih kecil di sekitar Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada bulan Oktober. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain secara relatif terus stabil.

Dalam tempoh 1 September - 27 Oktober 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan mata wang utama lain. Pergerakan ringgit berbanding dengan mata wang serantau bercampur-campur.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), terus tidak berubah pada 3.3% pada bulan September. Kadar kenaikan harga *makanan dan minuman bukan beralkohol* terus menurun kepada 3.1% (Ogos: 3.2%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan harga yang lebih perlahan bagi *makanan di rumah* dan *makanan di luar rumah*. Sementara itu, kadar kenaikan harga bagi *minuman beralkohol dan tembakau* lebih tinggi berikutan pengenaan cukai eksais bagi barangan itu dalam Bajet 2007. Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menurun kepada 7.5% pada bulan Ogos (Julai: 8.1%).


Pada bulan September, wang secara kecil atau M1 terus berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 11.5% (Ogos: 10.2%), manakala wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan yang lebih rendah sebanyak 7.9% (Ogos: 8.3%).

Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh, selaras dengan kualiti aset yang terus bertambah baik. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) kekal pada 13.2%. Nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan juga terus menurun kepada 5.1% (Ogos: 5.3%) disebabkan oleh kutipan balik pinjaman dan hapus kira.


Kadar faedah stabil pada bulan Oktober

Dalam tempoh 1 September – 27 Oktober, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 3.48% - 3.55%. Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman meningkat sedikit pada awal bulan September kerana beberapa peserta pasaran wang memperoleh dana sebagai persediaan untuk melanggan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) apabila diterbitkan. Kadar pasaran seterusnya kembali bergerak dalam julat yang lebih kecil di sekitar OPR pada bulan Oktober. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain secara relatif kekal stabil.


Kadar deposit tetap (FD) purata bank perdagangan terus stabil pada bulan September dan awal bulan Oktober. Pada 15 Oktober, kadar disebut purata bagi FD bank perdagangan bagi tempoh pemegangan 1 dan 12 bulan masing-masing stabil pada 3.13% dan 3.76%. Kadar FD purata benar bank perdagangan bagi tempoh matang 6 bulan, 9 bulan dan 12 bulan terus positif kerana inflasi stabil pada bulan September. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan terus tidak berubah pada 6.72% pada bulan September, manakala kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan stabil pada 6.63% pada akhir bulan September (akhir bulan Ogos: 6.64%).




Kadar antara bank semalaman purata meningkat sedikit pada awal bulan September, tetapi kemudiannya menurun menghampiri OPR



Kadar antara bank lain secara relatif stabil




BNM menyuntik mudah tunai ke dalam sistem perbankan pada bulan September




BLR dan ALR bank perdagangan terus stabil

Keadaan Mudah Tunai



Nisbah pembiayaan-deposit menurun sedikit kerana deposit meningkat dengan lebih cepat berbanding dengan peningkatan pinjaman dan pelaburan dalam PDS


Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Ogos 06	3.12	3.19	3.34	3.48	3.77
Sep 06	3.13	3.21	3.36	3.49	3.77
15 Okt 06	3.13	3.21	3.36	3.49	3.76

Kadar FD bank perdagangan secara relatif stabil pada bulan September dan awal bulan Oktober


Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan




Kadar 3 bulan FD benar secara relatif terus tidak berubah pada bulan September

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama

Dalam tempoh 1 September – 27 Oktober 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan mata wang utama lain. Ringgit dipengaruhi oleh aliran perdagangan dan pelaburan serta perkembangan dalam mata wang G3. Euro pula menyusut nilai kerana beberapa data inflasi dan ekonomi yang lebih lemah telah mengurangkan jangkaan bahawa kadar faedah tanda aras akan meningkat selanjutnya. Sementara itu, yen Jepun menyusut nilai berikutan kemerosotan dalam beberapa data ekonomi dan perkembangan geopolitik di Korea Utara. Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (0.7%) dan dolar Singapura (0.2%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina (-1.6%), renminbi China (-0.3%), baht Thailand (-1.2%) dan won Korea (-0.7%).






Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 05	Ogos 06	Sep 06	27 Okt 06	Akhir Dis 05 - 27 Okt 06	Akhir Ogos 06 - 27 Okt 06
Dolar AS	3.7800	3.6770	3.6845	3.6545	3.4	0.6
Euro	4.4867	4.7181	4.6821	4.6425	-3.4	1.6
Paun sterling	6.5226	6.9826	6.9171	6.9103	-5.6	1.0
100 yen Jepun	3.2229	3.1485	3.1279	3.0836	4.5	2.1
Dolar Singapura	2.2714	2.3379	2.3221	2.3339	-2.7	0.2
100 baht Thailand	9.2049	9.7923	9.8109	9.9105	-7.1	-1.2
100 peso Filipina	7.1254	7.2204	7.3477	7.3406	-2.9	-1.6
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0405	0.0399	0.0402	-4.3	0.7
100 won Korea	0.3739	0.3834	0.3901	0.3860	-3.1	-0.7
Renminbi China	0.4686	0.4620	0.4660	0.4635	1.1	-0.3

Inflasi tidak berubah pada 3.3% pada bulan September

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), terus tidak berubah pada 3.3% pada bulan September. Kadar kenaikan harga *makanan dan minuman bukan beralkohol* terus menurun kepada 3.1% (Ogos: 3.2%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga yang lebih perlahan bagi *makanan di rumah* dan *makanan di luar rumah*. Kadar inflasi bagi *minuman beralkohol dan tembakau* lebih tinggi berikutan peningkatan cukai eksais bagi barangan itu dalam Bajet 2007. Sementara itu, harga *pakaian dan kasut* dan *caj komunikasi* terus menurun berbanding dengan paras pada tahun sebelumnya.

Indeks Harga Pengguna




Bermula 2006, kumpulan "makanan" telah diklasifikasi semula kepada "makanan dan minuman bukan alkohol"

Inflasi stabil pada 3.3% pada bulan September

Kadar kenaikan harga pengeluar sederhana pada bulan Ogos

Jabatan Perangkaan Malaysia mengumumkan bahawa tahun rujukan asas bagi Indeks Harga Pengeluar (IHPR) telah diubah kepada tahun 2000 (sebelumnya 1989=100). Usaha ini juga melibatkan penyemakan wajaran barangan dalam kumpulan IHPR. Sistem wajaran baru ini memberikan wajaran kepada komponen-komponen IHPR seimbang dengan sumbangan masing-masing kepada jumlah nilai keluaran dalam ekonomi. Wajaran rasmi yang baru bagi komponen-komponen IHPR akan diumumkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dalam jangka masa terdekat. Berdasarkan wajaran baru itu, kadar kenaikan IHPR menurun kepada 7.5% pada bulan Ogos daripada 8.1% pada bulan Julai.



Kadar kenaikan IHPR sederhana pada bulan Ogos

Bermula Ogos 2006, Indeks Harga Pengeluar telah disemak semula kepada tahun asas 2000=100, daripada 1989=100 sebelumnya

Wang secara luas berkembang pada kadar yang lebih perlahan sedikit pada bulan September


Pada bulan September, wang secara kecil atau M1 terus berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 11.5% (Ogos: 10.2%), manakala wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar yang lebih rendah sebanyak 7.9% (Ogos: 8.3%). Pada asas bulanan, operasi luaran bersih memberikan kesan pengembangan kepada M3 disebabkan aset luar negeri bersih sistem perbankan meningkat pada bulan itu. Walau bagaimanapun, penentu-penentu lain memberikan kesan penguncupan kepada M3. Tuntutan bersih terhadap Kerajaan lebih rendah berikutan penyimpanan perolehan daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dengan Bank Negara Malaysia dan sistem perbankan. Walaupun pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor swasta meningkat pada bulan itu,

pemegangan sekuriti hutang swasta oleh sistem perbankan lebih rendah dan menyebabkan kesan penguncupan bersih yang sederhana kepada M3.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**2005**	**Ogos 06**	**Sep 06**
M3	68.0	49.7	11.3	-1.4
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	-5.5	3.1	-4.9
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	44.6	1.6	-0.2
Pinjaman	*39.8*	*45.0*	*1.4*	*2.8*
Sekuriti	*-9.2*	*-0.4*	*0.2*	*-3.0*
Operasi luar negeri bersih *	82.7	17.3	3.6	8.5
Pengaruh lain	-29.4	-6.7	3.1	-4.8

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan September

Pada bulan September, jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat sebanyak RM5.6 bilion atau pada kadar tahunan 10% (Ogos: RM8.6 bilion atau 9.7%). Peningkatan ini mencerminkan penempatan deposit yang lebih tinggi oleh institusi kewangan dan sebahagiannya oleh pihak berkuasa berkanun, individu dan Kerajaan Persekutuan. Deposit pelanggan lain, termasuk deposit entiti bukan perniagaan domestik dan entiti bukan bank asing juga meningkat. Mengikut jenis, peningkatan deposit terutamanya adalah dalam bentuk instrumen deposit boleh niaga (NID), deposit tetap dan deposit perbankan Islam.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 06	**Jul 06**	**Ogos 06**	**Sep 06**
Kerajaan Persekutuan	753	1,188	-1,285	1,021
Kerajaan Negeri	49	-321	1,391	-176
Badan Berkanun [1]	1,798	-1,200	-105	1,566
Institusi Kewangan	1,844	-102	766	4,447
Perusahaan Perniagaan	-295	3,719	6,477	-4,152
Individu	1,736	3,244	1,385	1,530
Lain-lain [2]	-4	883	6	1,334
Jumlah	5,881	7,413	8,636	5,570

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing


Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 06	**Jul 06**	**Ogos 06**	**Sep 06**
Deposit tetap	-967	1,910	2,763	3,435
NID	3,267	-216	5,635	4,751
Deposit permintaan	2,722	-152	1,959	-1,015
Deposit tabungan	-178	123	200	192
Perjanjian beli balik (Repo)	782	4,056	-3,142	-4,009
Deposit mata wang asing	121	109	952	-1,416
Deposit SPI	-93	707	-65	2,703
Lain-lain	226	876	334	929
Jumlah	5,881	7,413	8,636	5,570


Pembiayaan kasar sektor swasta berterusan

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berterusan pada bulan September, iaitu berjumlah RM44 bilion (Ogos: RM44.4 bilion). Pada asas bersih pula, pembiayaan sektor swasta melalui sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 7.9% (Ogos: 9.2%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan kasar sektor swasta secara relatif terus stabil



Penunjuk pinjaman stabil pada asas bulanan

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	July	Aug	Aug	Sep
Jumlah				
Permohonan pinjaman	27.3	27.0	-6.1	-1.9
Kelulusan pinjaman	16.3	16.6	-6.4	-11.3
Pengeluaran pinjaman	41.3	41.2	-5.9	-16.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.4	2.5	8.6	7.5
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	14.0	13.5	-9.4	4.2
Kelulusan pinjaman	7.8	8.3	-1.2	-12.6
Pengeluaran pinjaman	28.6	29.5	-6.4	-17.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.3	0.7	5.4	3.3
PKS				
Permohonan pinjaman	6.3	7.0	t.b.[3/]	t.b.[3/]
Kelulusan pinjaman	4.0	3.4	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman	11.4	10.8	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.0	0.1	t.b.	t.b.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	13.3	13.5	-2.4	-7.3
Kelulusan pinjaman	8.5	8.4	-10.7	-9.9
Pengeluaran pinjaman	12.7	11.7	-4.7	-14.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.1	1.8	12.2	11.4


t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

[3/] Bermula pada bulan Mac 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Kelulusan dan pengeluaran pinjaman perniagaan lebih tinggi pada asas bulanan



Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan utama stabil


Penunjuk utama pinjaman pada asas bulanan secara relatif adalah stabil dengan jumlah kelulusan pinjaman mencatat paras yang lebih tinggi sedikit. Dalam sektor perniagaan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman lebih tinggi pada bulan itu dengan dana yang lebih tinggi disalurkan kepada syarikat besar. Pada asas tahunan pula, kelulusan dan pengeluaran pinjaman perniagaan lebih rendah, mencerminkan sebahagiannya kelulusan dan pengeluaran pinjaman perniagaan yang luar biasa tinggi pada bulan September 2005. Sementara itu, permohonan pinjaman perniagaan mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang positif sebanyak 4.2% (Ogos: -9.4%). Dalam sektor isi rumah, pembiayaan terhadap pembelian kereta penumpang berkurang. Kelulusan dan pengeluaran yang lebih rendah bagi pembelian kereta penumpang disebabkan oleh permohonan pinjaman yang lebih rendah, yang merosot sebanyak 39.3%.

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 7.5% pada akhir bulan September (akhir bulan Ogos 8.6%), dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing meningkat pada kadar tahunan sebanyak 3.3% dan 11.4% (Ogos: masing-masing sebanyak 5.4% dan 12.2%).

Dana bersih yang lebih tinggi diperoleh dalam pasaran modal


Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi pada bulan September, iaitu berjumlah RM2.2 bilion. Dana itu diperoleh terutamanya oleh sektor awam melalui terbitan baru Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 20 tahun dengan dana kasar yang diperoleh berjumlah RM3 bilion. Pada asas bersih, sektor awam mencatat aliran masuk dana sebanyak

RM1.8 bilion pada bulan itu. Sementara itu, dana kasar berjumlah RM3.1 bilion diperoleh dalam sektor swasta, terutamanya melalui pasaran sekuriti hutang swasta (PDS). Sebahagian besar daripada dana diperoleh syarikat dalam sektor perhotelan, pembinaan, perkilangan dan kewangan. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran PDS dan ekuiti berjumlah RM414 juta pada bulan itu.



KLCI terus kukuh

Pada bulan September, sentimen positif ekoran pengumuman Bajet 2007, pertumbuhan KDNK suku kedua yang lebih kukuh daripada jangkaan, dan prospek inflasi yang rendah telah meningkatkan KLCI. Selain itu, harga minyak global yang lebih rendah dan perolehan korporat yang lebih kukuh menyumbang kepada prestasi KLCI yang lebih baik. KLCI ditutup pada 967.55 atau 1% lebih tinggi berbanding dengan akhir bulan Ogos. Permodalan pasaran meningkat kepada RM745.5 bilion (sejak akhir bulan Ogos: 0.7%), manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 464.8 juta unit (Ogos: 460.5 juta unit).




Sentimen positif terus memacu kenaikan KLCI

Pada 27 Oktober, KLCI ditutup lebih tinggi pada 989.90 (sejak akhir bulan September: 2.3%). Permodalan pasaran secara keseluruhan adalah lebih tinggi pada RM769.1 bilion (sejak akhir bulan September: 3.2%). Aktiviti urus niaga lebih tinggi, dengan urus niaga purata harian pada 613.6 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab bersih antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM293.1 bilion atau bersamaan USD79.5 bilion pada 29 September 2006. Rizab meningkat kepada RM293.3 bilion atau bersamaan USD79.6 bilion pada 13 Oktober 2006. Kedudukan rizab memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 6.3 kali hutang luar jangka pendek.



Paras permodalan kukuh selaras keadaan kualiti aset yang terus bertambah baik


Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) kekal pada 13.2%. Nisbah modal teras menurun sedikit kepada 10.4% disebabkan oleh pengagihan dividen oleh beberapa institusi perbankan. Sementara itu, jumlah pinjaman tak berbayar bersih terus menurun kepada 5.1% daripada jumlah pinjaman bersih disebabkan oleh kutipan balik pinjaman dan hapus kira.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**2004**	**2005**	**Jul 06**	**Aug 06**	**Sep 06**
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.1	10.5	10.4
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	12.9	13.2	13.2
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	11.0	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	5.4	5.3	5.1
Jumlah (RM juta)	40,631	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,322	30,247	29,617	28,569
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.2	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7


* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.

Penunjuk Kekukuhan Modal



Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh …

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…selaras dengan penurunan NPL

Bank Negara Malaysia
30 Oktober 2006

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jul 06		Ogos 06		Sep 06	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		53.7	5.3	54.6	7.6	55.0	5.6
M1		128.3	9.7	130.7	10.2	131.6	11.5
M2		662.7	12.7	673.8	12.8	673.5	12.2
M3		698.3	7.6	709.6	8.3	708.2	7.9
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		730.4	9.8	739.0	9.7	744.6	10.0
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		584.1	9.3	586.5	8.6	589.0	7.5
Nisbah pinjaman-deposit (%)		76.9		76.2		76.1	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		85.7		85.2		84.7	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		24.8	-9.1	27.3	-6.1	27.0	-1.9
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		14.1	-22.4	16.3	-6.4	16.6	-11.3
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		42.4	1.7	41.3	-5.9	41.2	-16.4
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		38.4	-7.0	39.0	-0.5	37.7	-8.0
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		12.9		13.2		13.2	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		5.4		5.3		5.1	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		290.4		291.2		293.1	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		79.1		79.3		79.5	
Bilangan bulan import tertangguh		8.1		8.1		8.1	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.25		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.49 [3.49]		3.56 [3.49]		3.51 [3.52]	
	Seminggu	3.51 [3.55]		3.57 [3.55]		3.57 [3.57]	
	1 bulan	3.75 [3.77]		3.68 [3.69]		3.68 [3.68]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.12		3.12		3.13	
	3 bulan	3.19		3.19		3.21	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.63		6.64		6.63	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		104.0	4.1	103.9	3.3	104.1	3.3
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		174.5	8.1	129.7*	7.5*	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.6535		3.6770		3.6845	
Euro		4.6653		4.7181		4.6821	
Paun Sterling		6.8163		6.9826		6.9171	
100 Yen Jepun		3.1946		3.1485		3.1279	
Dolar Singapura		2.3160		2.3379		2.3221	
100 Baht Thailand		9.6577		9.7923		9.8109	
100 Peso Filipina		7.1059		7.2204		7.3477	
100 Rupiah Indonesia		0.0403		0.0405		0.0399	
100 Won Korea		0.3827		0.3834		0.3901	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	2.5		-0.7		1.8	
	swasta	-0.4		0.2		0.4	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		935.9		958.1		967.6	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		727.8		740.4		745.5	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.

*Merujuk kepada tahun asas 2000=100